

# IQRA'

Bil. 9/2022  
SEPTEMBER



**Kursus Digital Dalam Urusan Pejabat  
(Microsoft Teams)**  
PTAR Shah Alam - muka 10



**Webinar Understanding Dark Data :  
How Data Steward Should Leverage Them?**  
PTAR Rembau - muka 13



**Program Khidmat Masyarakat 3.0 UiTM**  
Kampus Bandaraya Melaka  
PTAR Kampus Bandaraya - muka 24



**Skill-Up The Languages :  
Read2ReadLead**  
PTAR Machang - muka 27



**Live@PTAR Siri 3 :  
Hijrah Memimpin Perubahan**  
PTAR Samarahan- muka 35

## PROMOSI@PTAR



**KETUA PUSTAKAWAN PTAR, UiTM MELUANGKAN MASA  
MENZIARAH STAF PERPUSTAKAAN DITIMPA  
MUSIBAH KEBAKARAN  
7 SEPTEMBER 2022**

*Disediakan oleh: Asmah Sabtu*

**BULETIN**

**IQRA**

**PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
SHAH ALAM**



*Encik Jamalludin bin Hj. Sulaiman, Ketua Pustakawan PTAR, UiTM telah sudi meluangkan masa selama dua jam bermula jam 10:00 pagi hari Jumaat bertarikh 9 September 2022, bagi menziarahi Encik Noorwazit Nuruddin, Pembantu Pustakawan Kanan, Perpustakaan Alam Bina Tun Abdul Razak, Shah Alam, Selangor, yang ditimpa musibah kebakaran di kediaman beliau.*

*Kehadiran Ketua Pustakawan PTAR telah diiringi oleh tiga (3) orang staf PTAR iaitu Encik Khairul Idzwan Mohd Saad, Encik Mohd Adib Mohd Mohsin dan Encik Muhammad Fikree Rahmat dan disambut oleh Encik Noorwazit dan isteri, Puan Siti Aisha Hassan.*

*Menurut Encik Noorwazit, kejadian kebakaran berlaku pada 5 September 2022 hari Isnin jam 4:30 petang berpunca daripada litar pintas.*

*Sewaktu kejadian hanya anak perempuan beliau berusia sembilan (9) tahun mendiami rumah tersebut dan sempat menyelamatkan diri.*

*Rumah dua tingkat yang didiami oleh Encik Noorwazit sekeluarga di nombor 287 Jalan Medan 20 PJS/20, Taman Medan, 46000 Petaling Jaya, Selangor telah mengalami kemusnahan di ruang bawah dan sebahagian ruang atas hingga mengakibatkan kerugian puluhan ribu ringgit.*

*Lewat petang itu, Balai Bomba dan Penyelamat Seksyen 7 Petaling Jaya telah berjaya memadamkan kebakaran sebelum merebak ke kediaman lain.*

*Seluruh warga kerja perpustakaan turut berdukacita atas musibah kebakaran yang menimpa Encik Noorwazit sekeluarga. Oleh itu, PTAR telah menyerahkan sumbangan wang tunai daripada warga kerja PTAR Shah Alam serta Jawatankuasa Tazkirah PTAR, Shah Alam, demi meringankan beban yang ditanggung oleh Encik Noorwazit.*



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Perpustakaan  
Tun Abdul Razak



@libraryuitm



@libraryuitm



@perpustakaanuitm



@uitmlibrary



@perpustakaanuitm

## Hubungi kami:



03-5544 3731



korporatptar@uitm.edu.my



Unit Penerbitan dan Pemasaran,  
Bahagian Komunikasi Korporat,  
Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),  
UITM Shah Alam.



[library.uitm.edu.my](http://library.uitm.edu.my)